

**PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-  
EKONOMI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN  
SEKTOR PERTANIAN**

**FARIDAH BINTI HAJI PUTEH  
18MR403**

**FAKULTI PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1442H / 2021M**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ

الرَّحِیْمِ

**PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-  
EKONOMI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN  
SEKTOR PERTANIAN**

**FARIDAH BINTI HAJI PUTEH  
18MR403**

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PEMBANGUNAN

**Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam**

**Zulhijjah 1442 / Julai 2021**

**PENGESAHAN**

**PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN SEKTOR  
PERTANIAN**

**FARIDAH BINTI HAJI PUTEH**

**18MR403**

**Penyelia : PROF. MADYA DR. HJH. ROSE BINTI ABDULLAH**

**Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_**

**Dekan Fakulti: MUHAMMED SAHRIN BIN HAJI MASRI**

**Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_**

## PENGAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan ini saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil daripada kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Saya juga mengaku bahawa tajuk ini tidak pernah diserahkan atau serentak diserahkan secara keseluruhannya kepada mana-mana ijazah lain di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) atau institusi lain.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : Faridah Binti Haji Puteh

Nombor Pendaftaran : 18MR403

Tarikh Penyerahan : Zulhijjah 1442 / Julai 2021

**PENGISYTIHARAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN  
PENGUNAAN SAKSAMA PENYELIDIKAN YANG TIDAK  
DITERBITKAN**

Hakcipta © 2021 oleh Faridah Binti Haji Puteh. Semua hakcipta terpelihara.

**PERANAN WAKAF DALAM  
PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN  
SEKTOR PERTANIAN**

Mana-mana bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini tidak boleh diterbitkan semula, tidak boleh disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta kecuali seperti yang disediakan di bawah:

1. Apa-apa bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan memberi penghargaan yang sepatutnya..
2. UNISSA atau perpustakaanya mempunyai hak untuk melakukan dan memindah salinan (cetak atau elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.
3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan semula dan membekal salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti-universiti dan perpustakaan-perpustakaan penyelidikan lain.

Disahkan oleh Faridah Binti Haji Puteh.

Tandatangan:

.....

Tarikh:

Zulhijjah 1442 / Julai 2021

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan rasul-Nya Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* kerana telah memberikan ketabahan, kesabaran dan kesihatan kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini.

Saya sangat berbesar hati merakamkan rasa penghormatan dan penghargaan yang mendalam kepada kedua-dua penyelia tesis saya Prof. Madya Dr. Hjh. Rose binti Abdullah dan Dr. Shahrul Nizam bin Salahudin di atas bimbingan, sokongan dan motivasi yang berterusan serta kesabaran mereka dalam memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang penulisan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menganugerahkan biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga saya rakamkan kepada pegawai-pegawai yang telah saya temubual daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) terutamanya Bahagian Wakaf dan Baitulmal dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Brunei, Jabatan Pertanian dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di atas kesudian mereka untuk meluangkan masa dan memberi kerjasama yang berterusan sepanjang penyelidikan ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada UNISSA di atas pengalaman yang tidak terhingga semasa pengajian selama dua setengah tahun sebagai pelajar Master di bawah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan penghargaan buat mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan tesis ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setulus kasih dan penghargaan kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan semua staf Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam kerana sokongan dan dorongan mereka yang tidak pernah putus-putus dan di atas doa yang berterusan.

## ABSTRAK

### **PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN SOSIO- EKONOMI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KAJIAN SEKTOR PERTANIAN**

Wakaf merupakan suatu amalan kebajikan yang terpuji dan dituntut dalam Islam untuk mengharapkan pahala yang berpanjangan daripada *Allah Subhanahu Wa Ta'ala*. Wakaf juga merupakan salah satu sumber yang sangat penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Islam sejak awal pemerintahan Islam dan ianya perlu dikembangkan dengan cara terbaik demi kemaslahatan umat Islam sejagat. Peranan wakaf secara menyeluruh bukan hanya setakat kepada tujuan aspek keagamaan, malahan berperanan dalam menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, pertanian dan sebagainya. Kajian ini memfokuskan kepada peranan wakaf dalam sektor pertanian. Sebagaimana, kajian ini telah diusahakan untuk tujuan mengkaji peranan wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi di Negara Brunei Darussalam khususnya sektor pertanian. Untuk pengutipan data, kajian ini menggunakan metod kualitatif yang berdasarkan kaedah temubual dan analisis dokumen. Dalam kajian ini, seramai lima orang responden daripada badan-badan kerajaan yang terpilih untuk ditemubual berkaitan dengan kajian. Penganalisan data dalam kajian ini adalah menggunakan aplikasi Nvivo 12. Kajian mendapati bahawa pengurusan wakaf terhadap pertanian di Negara Brunei Darussalam belum diusahakan disebabkan pelbagai cabaran yang wujud. Justeru, kajian ini berusaha untuk mengemukakan model cadangan mengenai pengurusan wakaf pertanian yang berpotensi dalam memajukan dan menggerakkan perkembangan sosio-ekonomi. Harapan kajian adalah untuk membuka mata masyarakat tentang peranan wakaf dalam memajukan sosio-ekonomi terutama pada sektor pertanian untuk membantu membangun negara dan membina kesejahteraan kehidupan masyarakat.

## ABSTRACT

### **ROLE OF WAQF IN SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT IN BRUNEI DARUSSALAM: AGRICULTURE SECTOR STUDY**

*Waqf* is a commendable and demanding practice of Islam in the hope of a lasting reward from Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. *Waqf* is also one of the most important sources of Islamic socio-economic development since the beginning of Islamic rule and it must be developed in the best way for the well-being of the Muslim world. The role of *waqf* as a whole is not only in the purpose of religious aspects, but also in contributing to socio-economic development including education, health, agriculture and so on. This study focuses on the role of *waqf* in the agricultural sector. Therefore, this study has been conducted for the purpose of studying the role of *waqf* in socio-economic development in Brunei Darussalam especially in the agricultural sector. For data collection, this study used qualitative method based on in-depth interview method and document analysis. In this study, a total of five respondents from selected government bodies were interviewed that related to the study. Data in this study was analyzed using the Nvivo 12 application. The findings showed that the management of *waqf* for agriculture in Brunei Darussalam has not been undertaken due to various challenges that exist. Thus, this study also seeks to propose a model of sustainable agricultural *waqf* management that is likely to promote and stimulate socio-economic development. The hope of this study is to open the eyes of the public on the role of *waqf* in socio-economic development especially in the agricultural sector in helping to develop the country and to build the well-being of people.

## ملخص

### دور الوقف في التنمية الاجتماعية والاقتصادية في بروناي دارالسلام: دراسة قطاع الزراعة

يعتبر الوقف إحدى الأعمال المحمودة والمطلوبة في الإسلام لكي نحصل على دوام الثواب من الله سبحانه وتعالى. كما يعتبر إحدى أهم المصادر في التنمية الإسلامية الاقتصادية والاجتماعية. فتلزم تنميتها بشكل أفضل لضمان مصالح الأمة الإسلامية. ولا يقتصر دور الوقف على المجال الديني، إنما يؤدي دوراً في التنمية الإسلامية الاقتصادية والاجتماعية في المجالات المتعددة مثل التعليم، والصحة، والزراعة وغيرها. ويتناول هذا البحث دور الوقف في قطاع الزراعة، ويهدف إلى دراسة دور الوقف في التنمية الاقتصادية والاجتماعية ببروناي دار السلام، خاصة في قطاع الزراعة. ويستخدم هذا البحث النهج النوعي لجمع البيانات من خلال المقابلات وتحليل الوثائق. فاختار هذا البحث خمسة موظفين من الهيئات الحكومية وتمت المقابلة معهم فيما يختص به. تم تحليل البيانات في هذه الدراسة باستخدام تطبيق Nvivo 12. وأما النتائج أن إدارة الوقف للزراعة في بروناي دار السلام لم تتم بسبب التحديات المختلفة الموجودة. ويحاول هذا البحث اقتراح نموذج لإدارة الوقف الزراعي المحتمل في دفع عجلة التنمية الاقتصادية والاجتماعية. وتهدف هذه الدراسة إلى مساعدة المجتمع في إدراك دور الوقف في التنمية الاقتصادية والاجتماعية ببروناي دار السلام، خاصة في قطاع الزراعة، مما يؤدي إلى التنمية الوطنية ودعم رفاه المجتمع.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	PENGESAHAN	ii
	PENGAKUAN	iii
	PENGISYTIHARAN HAKCIPTA	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	ملخص	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	6
	1.3 Penyataan Masalah Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	13
	1.8 Rumusan	15

<b>BAB 2</b>	<b>PERKEMBANGAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI</b>	<b>17</b>
2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Istilah Tajuk Kajian	17
	2.2.1 Peranan	18
	2.2.2 Wakaf	18
	2.2.3 Pembangunan	19
	2.2.4 Sosio	20
	2.2.5 Ekonomi	20
	2.2.6 Pertanian	21
2.3	Konsep Wakaf Dalam Islam	21
	2.3.1 Wakaf menurut Bahasa	24
	2.3.2 Wakaf menurut Istilah	25
	2.3.3 Dalil Pensyariatan Wakaf	28
	2.3.4 Rukun Wakaf	32
	2.3.5 Bentuk Wakaf	33
	2.3.6 Jenis Harta Wakaf	35
2.4	Sejarah Amalan Wakaf Dalam Tamadun Islam	40
2.5	Amalan Wakaf Di Asia Tenggara	44
2.6	Kemajuan Sosio-Ekonomi Di Negara Brunei Darussalam	50
2.7	Potensi Wakaf Pertanian Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi	53
2.8	Pengurusan Wakaf Di Negara Brunei Darussalam	58
2.9	Aspek Penawaran Harta Benda Wakaf Pertanian	74

2.10	Rumusan	75
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>77</b>
3.1	Pendahuluan	77
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.3	Lokasi Kajian	78
3.4	Persampelan Kajian	79
3.5	Instrumen Kajian	80
	3.5.1 Kaedah Temubual	81
	3.5.2 Kaedah Analisis Dokumen	81
3.6	Etika Penyelidikan	82
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	83
3.8	Prosedur Penganalisan Data	84
3.9	Rumusan	86
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN ANALISIS DATA TEMUBUAL</b>	<b>87</b>
4.1	Pendahuluan	87
4.2	Analisis Data Temubual	87
	4.2.1 Demografi Responden	87
	4.2.2 Analisis Dapatan: Faktor Melaksanakan Wakaf Pertanian	88
	4.2.3 Analisis Dapatan: Prosedur Melaksanakan Wakaf Pertanian	90
	4.2.4 Analisis Dapatan: Halangan Dan Cabaran	94
	4.2.5 Analisis Dapatan: Saranan Melaksanakan Wakaf Pertanian	98
	4.2.6 Analisis Dapatan: Keperluan Badan Bukan	

	Kerajaan Dalam Kerjasama	101
4.2.7	Analisis Dapatan: Sejauhmana Wakaf Pertanian Memajukan Sosio-Ekonomi	104
4.3	Rumusan	107
<b>BAB 5</b>	<b>DAPATAN CADANGAN MODEL</b>	<b>108</b>
5.1	Pendahuluan	108
5.2	Cadangan Model Wakaf Pertanian di Negara Brunei Darussalam	108
5.2.1	Pengurusan Wakaf Pertanian	108
5.2.2	Prosedur Perwakafan Tanah Pertanian	110
5.2.3	Operasi Wakaf Pertanian	113
5.2.4	Urustadbir Tanah Wakaf Pertanian	115
5.2.5	Pengagihan	119
5.2.6	Perundangan	122
	5.2.6.1 Prosedur Pendaftaran Wakaf Tanah Pertanian di Jabatan Tanah	123
	5.2.6.2 Prosedur Wakaf Tanah Pertanian di Jabatan Pertanian	125
5.3	Rumusan	126
<b>BAB 6</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>127</b>
6.1	Pendahuluan	127
6.2	Perbincangan Isu	127
6.2.1	Isu Dalam Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf di Brunei	130
6.2.2	Isu Dalam Komunikasi Urusan Wakaf	

	di Brunei	135
6.2.3	Isu Dalam Perundangan Wakaf di Brunei	137
6.2.4	Isu Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Wakaf di Brunei	139
6.3	Cadangan	140
6.3.1	Penambahbaikan Dalam Peningkatan Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf yang Efektif dan Efisien	141
6.3.2	Penambahbaikan Dalam Komunikasi Urusan Wakaf	146
6.3.3	Penambahbaikan Dalam Pengemaskinian Perundangan Wakaf	148
6.3.4	Penambahbaikan Dalam Pembangunan Sosio- Ekonomi Wakaf	150
6.4	Kesimpulan	153
RUJUKAN		155
LAMPIRAN A : Soalan Temubual		167
LAMPIRAN B : Surat Permohonan Membuat Kajian		168
LAMPIRAN C : Borang Persetujuan Termaklum		169
LAMPIRAN D : Borang Mewakafkan Tanah & Ikrar Mewakafkan Tanah		170
LAMPIRAN E : Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah- Mahkamah Kadi Penggal 77		172
LAMPIRAN F : Undang-Undang Kanun Tanah Penggal 40		181
LAMPIRAN G : Akta Binatang-Binatang Musuh Pertanian Dan Tumbuh-Tumbuhan Yang Merosakkan Penggal 43		184
LAMPIRAN H : Status Data Wakaf		189

## SENARAI RAJAH

NOMBOR	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1	Struktur Majlis Ugama Islam Brunei	62
Rajah 2	Analisis Dapatan: Faktor Melaksanakan Wakaf Pertanian	88
Rajah 3	Analisis Dapatan: Prosedur Melaksanakan Wakaf Pertanian	91
Rajah 4	Analisis Dapatan: Halangan Dan Cabaran	95
Rajah 5	Analisis Dapatan: Saranan Melaksanakan Wakaf Pertanian	99
Rajah 6	Analisis Dapatan: Keperluan Badan Bukan Kerajaan Dalam Kerjasama	102
Rajah 7	Analisis Dapatan: Sejauhmana Wakaf Pertanian Memajukan Sosio-Ekonomi	104
Rajah 8	Manual Prosedur Perwakafan Tanah	112

## SENARAI JADUAL

NOMBOR	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.0	Status Wakaf di Negara Brunei Darussalam	50
Jadual 2.0	Jenis-jenis Aset Wakaf di Singapura	57
Jadual 3.0	Wakaf Khas Tanah Berdaftar di MUIB	66
Jadual 4.0	Harta Benda Wakaf Berdaftar di MUIB	71
Jadual 5.0	Profil Responden Kajian	88

## SENARAI LAMPIRAN

NOMBOR	TAJUK	HALAMAN
Lampiran A	Soalan Temubual	167
Lampiran B	Surat Permohonan Membuat Kajian	168
Lampiran C	Borang Persetujuan Termaklum	169
Lampiran D	Borang Mewakafkan Wakaf & Ikrar Mewakafkan Tanah	170
Lampiran E	Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah- Mahkamah Kadi Penggal 77	172
Lampiran F	Undang-Undang Kanun Tanah Penggal 40	181
Lampiran G	Akta Binatang-Binatang Musuh Pertanian dan Tumbuh-Tumbuhan Yang Merosakkan Penggal 43	184
Lampiran H	Status Data Wakaf	189

## SENARAI SINGKATAN

BND	Brunei Dollar
BT	Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei
BWI	Badan Wakaf Indonesia
DARe	Darussalam Enterprise
Dr.	Doktor
<i>et. al</i>	<i>et alia / and others</i>
<i>ibid</i>	<i>ion beam induced deposition</i>
Hjh.	Hajah
hlm	Halaman
ICT	Information and Communications Technology
Jil.	Jilid
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KDYMM	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KHEU	Kementerian Hal Ehwal Ugama
KUPUSB	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
LTS	Lesen Tumpang Sementara
MUIB	Majlis Ugama Islam Brunei
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
NGO	Non-governmental Organization
PROPAZ	Program Pengupayaan Asnaf Zakat
R	Responden
SGD	Singapore Dollar
SMEs	Small and Medium Enterprises
<i>SOP</i>	<i>Standard Operating Procedure</i>
UBD	Universiti Brunei Darussalam
UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Vol.	Volume

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Wakaf merupakan konsep amalan kebajikan yang sangat dituntut oleh syarak yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Wakaf juga termasuk dalam amal kebajikan yang pahalanya tidak akan terputus, selama mana barang yang diwakafkan itu masih digunakan oleh orang yang memerlukannya dan dimanfaatkan oleh mereka. Keistimewaan amalan wakaf meliputi sedekah jariah, memberi bantuan secara percuma yang memiliki nilai sosial tinggi dan pembinaan kepada masyarakat Islam daripada hasil wakaf tersebut.<sup>1</sup>

Menurut Zakaria Bahari dan Kamaru Salam Yusof menyatakan bahawa terdapat pelbagai pandangan yang telah dibahaskan oleh para ulama fiqh mengenai perkataan wakaf disebabkan ianya tidak banyak dijelaskan dengan terperinci di dalam al-Quran dan Hadith Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* sejak dari permulaan awal Islam lagi.<sup>2</sup>

Sebagaimana dalam hadith menyebutkan tentang amalan wakaf merupakan salah satu dari tiga perkara yang pahala seseorang akan sentiasa mengalir jikalau dia sudah meninggal dunia seperti berikut:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:

إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاث: صدقة جارية أو علم ينتفع به أو ولد

صالح يدعو له

---

<sup>1</sup> Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah. Di Dalam buku *Al-Ahkam Jilid 6* disunting oleh Ahmad Ibrahim et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 158-159.

<sup>2</sup> Zakaria Bahari & Kamaru Salam Yusof. (2018). Konsep dan Pandangan Fuqaha Terhadap Istibdal Wakaf. Di dalam buku *Istibdal Wakaf Dalam Pembangunan di Brunei Darussalam dan Malaysia* disunting oleh Zakaria Bahari, Kamaru Salam Yusof dan Rose Abdullah. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press. Hlm 17.

*Terjemahannya: “Daripada Abu Hurairah Radiallahu ‘Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasalam telah bersabda: Apabila mati seorang anak adam maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.”*<sup>3</sup>

Berdasarkan hadith tersebut, Imam al-Nawawi berpendapat bahawa perkataan ‘sedekah jariah’ ialah wakaf. Begitu juga dengan jumbuh ulama bersepakat dalam mentafsirkannya dengan maksud wakaf kerana pahala sedekah jariah akan sentiasa mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah biasa pahalanya tidak berpanjangan.

Amalan wakaf telah lama wujud dalam sejarah Islam, sebagaimana wakaf pertama pada zaman Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* adalah pembinaan masjid Quba yang dibina sendiri oleh Baginda *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan diikuti dengan Masjid Nabawi di Madinah serta pembinaan rumah Baginda *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam*.<sup>4</sup>

Berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari menyatakan tentang bab wakaf bahawa amalan mewakafkan tanah juga turut berlaku sekitar tahun ketujuh hijrah, iaitu selepas peperangan Khaibar di mana Umar *Radiallahu ‘Anhu* memperolehi tanah yang luas di Khaibar dan tidak tahu bagaimana hendak menguruskannya, lalu Umar pun pergi menjumpai Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan baginda menyuruh Umar untuk mewakafkan tanah tersebut dan sedekahkan hasilnya kepada fakir miskin dan kaum kerabat.<sup>5</sup>

Begitu juga sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim tentang kisah Uthman *Radiallahu ‘Anhu* iaitu apabila Uthman *Radiallahu ‘Anhu* mendengar

---

<sup>3</sup> M.Nashiruddin al-Albani. (2005). *Ringkasan Shahih Muslim*. Kitab Wakaf; Bab Ke-2: Pahala yang Diterima Manusia Sesudah Mati. Jakarta: Gema Insani Press. Hlm 473. Riwayat Muslim. Hadith No.1001.

<sup>4</sup> Wan Ahmad. (2012). Wakaf dan Kepentingannya di Sisi Umat Islam. Di dalam buku *Al-Muamalat* disunting oleh Fauzi, M. H. Selangor: Wahlitho Printing. Hlm 16-17.

<sup>5</sup> M.Nashiruddin al-Albani. (2005). *Ringkasan Shahih Muslim*. Kitab Wakaf; Bab Mewakafkan Harta Yang Pokok dan Menyedekahkan Hasilnya. Jakarta: Gema Insani Press. Hlm 473. Riwayat Muslim. Hadith No.1000.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda tentang sesiapa yang menggali telaga maka baginya adalah Syurga, lalu Uthman *Radiallahu 'Anhu* pun membeli sebuah telaga dan mewakafkannya kepada seluruh umat Islam.<sup>6</sup> Selepas beberapa peristiwa yang telah berlaku maka amalan wakaf telah berkembang dengan pesat di kalangan para sahabat dan umat Islam sehingga menjadi perbuatan teras kepada pembangunan umat terdahulu hingga sekarang.

Perkembangan wakaf pada zaman dahulu sangat pesat sehingga kebanyakan negeri Islam pada masa kini mempraktikkannya dengan menjadikan wakaf sebagai modal untuk membangun masjid, pusat pendidikan, perpustakaan, pusat kesihatan, rumah kebajikan dan pelbagai lagi. Perkara tersebut dibuktikan dalam kajian Heru Susanto bahawa banyak negeri-negeri yang termasyhur melaksanakan wakaf antaranya adalah negeri Mesir iaitu memberikan wakaf dalam sumbangan yang sangat besar dalam bidang pendidikan melalui penubuhan tanah wakaf untuk Universiti Al-Azhar sehingga banyak melahirkan cendekiawan yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran, bukan hanya wakaf tanah pendidikan malahan kedai perniagaan dan pertanian juga turut diwakafkan. Begitu juga dengan negeri Turki yang mempunyai perwakafan yang sangat menarik bermula dari zaman keemasan hinggalah sekarang masih nampak jelas dan dapat dijumpai pelbagai tempat seperti sekolah-sekolah, masjid-masjid, institusi kesenian dan kebudayaan, hospital perpustakaan, premis-premis perniagaan, hotel dan malahan pada tahun 1923, dua pertiga dari jumlah tanah adalah berpotensi untuk pertanian terdiri daripada tanah wakaf.<sup>7</sup> Banyak lagi negara-negara Islam selain dari Mesir dan Turki seperti Saudi Arabia, Bangladesh, Jordan, Indonesia, Singapura dan Malaysia yang mengembangkan wakaf untuk pembangunan ekonomi negara dan menjadikan wakaf sebagai potensi dan berperanan dalam menjana pendapatan kehidupan masyarakat dalam sesebuah negara.

Menurut Rose Abdullah & Abdul Ghafar Ismail menyatakan bahawa wakaf telah lama dipraktikkan pada seluruh negeri yang beragama Islam. Begitu juga dengan Negara Brunei Darussalam yang telah mempraktikkan wakaf sejak pemerintahan awal

---

<sup>6</sup> Abu Khaliyl. (2007). *English Translation of Jami' At-Tirmidhi*. Vol.6, First Edition. Riyadh: Maktaba Darussalam. Kitab Al-Manaqib. Hlm 377-379. Riwayat Al-Tarmidzi. Hadith No.3703.

<sup>7</sup> Heru Susanto. (2016). Kewujudan dan Peranan Ekonomi Harta Wakaf. *Jurnal Studia Islamika*. Vol. 13. No. 2. Disember 2016. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Palu. Hlm 317-342.

kesultanan Brunei yang terdahulu.<sup>8</sup> Pada tahun 1955, Majlis Mesyuarat Negara telah meluluskan satu undang-undang iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang telah termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Dalam akta tersebut, segala pengurusan wakaf akan diuruskan di bawah tanggungjawab pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).<sup>9</sup> Hal ini kerana Majlis Ugama Islam Brunei dilantik sebagai pemegang amanah bagi pengurusan wakaf yang dikendalikan dibawah Bahagian Wakaf dan Baitulmal.

Kebanyakan penduduk Brunei mewakafkan harta dan tanah hanya untuk tujuan aspek keagamaan sahaja seperti tanah wakaf untuk pembinaan masjid, wakaf tanah perkuburan dan tanah wakaf untuk tapak bangunan sekolah agama.<sup>10</sup>

Maksud sosio-ekonomi menurut Haji Mohammad Rosfazilah ialah pembangunan dalam kegiatan yang melibatkan masyarakat dalam bidang ekonomi untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat sebagai sumber pendapatan dalam pelbagai bidang yang diceburi.<sup>11</sup> Manakala menurut Sosiologis Macionis pula, beliau berpendapat bahawa institusi ekonomi merupakan sebuah institusi sosial yang sangat berpengaruh dengan bidang ekonomi. Beliau menambah lagi, kepentingan sosio-ekonomi melihat kepada keperluan masyarakat dalam kehidupan yang sejahtera dan selamat, kemudahan kesihatan, keperluan pendapatan dalam pelbagai bidang pekerjaan dan membasmi pengangguran dan kemiskinan sesebuah negara.<sup>12</sup> Dengan itu, tujuan pembangunan sosio-ekonomi menunjukkan banyak faedah dan kemudahan-kemudahan tertentu kerana segala usaha dalam pembangunan tersebut adalah untuk kesejahteraan dan keselamatan kehidupan masyarakat dan juga negara.

---

<sup>8</sup> Rose Abdullah & Abdul Ghafar Ismail. (2016). The Model of Cash Waqf-Based Islamic Microfinance. Di dalam buku *Business Models in Islamic Microfinance* disunting oleh Abdul Ghafar Ismail dan Abdelrahman Elzahi. Jeddah: IDB. Hlm 41-64.

<sup>9</sup> Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Diakses pada laman sesawang: [http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/Order%20PDF%20\(BM\)/Penggal%2077.pdf](http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/Order%20PDF%20(BM)/Penggal%2077.pdf) pada 28 Mac 2019

<sup>10</sup> Rose Abdullah & Abdul Ghafar Ismail. (2016). The Model of Cash Waqf-Based Islamic Microfinance. Di dalam buku *Business Models in Islamic Microfinance* disunting oleh Abdul Ghafar Ismail dan Abdelrahman Elzahi. Jeddah: IDB. Hlm 41-64.

<sup>11</sup> Haji Mohammad Rosfazilah. (2008). *Sistem Pengangkutan Di Kampung Air: Dari Perspektif Sejarah dan Sosioekonomi*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Hlm 36.

<sup>12</sup> Macionis. (2007). *Chapter Sixteen: The Economy and Work*. Florida: University of Central Florida. Hlm 1-5.

Berdasarkan perkara tersebut, wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi sangat berpotensi dan mempunyai peranan yang penting dalam memajukan pembangunan sosio-ekonomi dari pelbagai bidang di antaranya dalam bidang pendidikan, kesihatan, perniagaan dan sektor pertanian.<sup>13</sup>

Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada peranan wakaf dalam sektor pertanian. Sebagaimana pertanian sangat penting untuk menjana pendapatan rakyat dan penyediaan sumber makanan jika suatu hari nanti berlaku kejadian rusuhan atau bencana alam. Keperluan sumber makanan yang tidak mencukupi akan mengakibatkan masyarakat terpaksa bergantung kepada pengimportan sumber makanan dari luar negeri.

Kepentingan pertanian kepada negara dan masyarakat dapat meluaskan lagi peluang pekerjaan dan sebagai sumber pendapatan yang utama kepada masyarakat serta meningkatkan pendapatan negara dan dipercayai mampu memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi pada sesebuah negara yang sedang membangun.<sup>14</sup>

Keperluan wakaf dalam pertanian boleh menyumbang dalam penyediaan tanah wakaf, wakaf peralatan tanaman dan perkebunan dan dana wakaf di samping membuka minda masyarakat tentang kebaikan wakaf pertanian yang boleh meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dan juga negara. Menurut pengkaji, penyediaan tanah kerajaan juga berpotensi dalam menjalankan aktiviti pertanian, apabila kerajaan memberikan tanah tersebut kepada sekumpulan orang untuk mengusahakan tanaman dan perkebunan secara wakaf dengan memohon dana wakaf untuk membeli peralatan tanam-tanaman. Hasil daripadanya dapat diberikan kepada golongan-golongan yang tidak berkemampuan.

Oleh yang demikian, setelah melihat kepada kebolehpeneranan wakaf dan kepentingan pertanian, kajian ini akan cuba untuk melihat peranan wakaf dalam

---

<sup>13</sup> Asmak Ab. Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Vol. 17, No. 1. Malaysia: Universiti Malaya. Hlm 113-152.

<sup>14</sup> Abd Nasir Hj Abd Rani. (2014). *Membangun Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press. Hlm 63-70.

memperkembangkan sektor pertanian sebagai usaha memajukan pembangunan sosio-ekonomi di Negara Brunei Darussalam.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem wakaf telah lama diamalkan oleh masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam sejak kedatangan Islam dan di awal pemerintahan kesultanan lagi di mana ianya telah pun berkembang pada tahun 1955, sehingga dalam buku *Brunei Annual Report* (1955) satu undang-undang telah ditulis iaitu Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi telah pun berkuatkuasa pada 1<sup>hb</sup> Februari 1956 (Religious Council and Kathis Courts Enactment, 1955) yang membicarakan tentang sistem wakaf. Berdasarkan kenyataan tersebut sistem wakaf ditadbir dan dikendalikan oleh pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berdasarkan peruntukan undang-undang yang termaktub di dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dalam bab 98 dan 100 bahawa Majlis tersebut hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf termasuk wakaf am dan wakaf khas dan juga wakaf berdaftar dan tidak berdaftar.<sup>15</sup>

Perkembangan Islam di negara ini telah menyemarakkan lagi sifat pemurah di kalangan masyarakat yang nyata amat terpuji. Lazimnya pada ketika dahulu, menurut Mohammad Adly Kasyfullah ketika ditemubual oleh Ulfah Sisi Yatiningrum mengatakan bahawa wakaf berlaku secara lisan dengan disaksikan oleh beberapa orang yang amanah dan juga mana-mana sesuatu yang berbentuk wakaf yang dikategorikan wakaf khas akan digunakan manfaatnya untuk wakaf khas sahaja dan wakaf yang dikategorikan wakaf am akan digunakan manfaatnya untuk kebajikan masyarakat secara umumnya. Menurut beliau lagi, pemegang amanah yang ditugaskan pada ketika itu biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai sifat amanah dan

---

<sup>15</sup> Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Diakses pada laman sesawang: [http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/Order%20PDF%20\(BM\)/Penggala%2077.pdf](http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/Order%20PDF%20(BM)/Penggala%2077.pdf) pada 8 Mac 2019

disegani oleh masyarakat setempat seperti ustaz, guru agama, ketua kampung, imam dan sebagainya.<sup>16</sup>

Menurut Hajah Mas Nooraini Haji Mohiddin menyatakan bahawa beberapa masjid dan tanah perkuburan telah banyak ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam sejak dari awal lagi berdasarkan wakaf dan kebanyakan benda yang diwakafkan hanya tertumpu dalam aspek peribadatan sahaja.<sup>17</sup> Amalan wakaf yang dilaksanakan untuk tujuan ibadah tersebut dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang memerlukannya. Walau bagaimanapun, hasil manfaat terhadap masyarakat sememangnya memberi impak yang sangat memuaskan, namun hasilnya terhadap ekonomi negara sendiri pula menurut penyelidikan-penyelidikan terdahulu belum dilihat membangun dan berkembang.

Sistem ekonomi yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam adalah berunsurkan kepada sistem ekonomi Islam kerana negara Brunei adalah sebuah negara yang berfalsafahkan dengan konsep Melayu Islam Beraja. Keadaan iklim ekonomi Negara Brunei Darussalam pada masa kini secara beransur-ansur ada peningkatannya berdasarkan pernyataan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib semasa berucap di Majlis Mesyuarat Negara tahun 2018.<sup>18</sup> Begitu juga dengan Laporan Bank Dunia *'Doing Business 2018'* yang telah dikeluarkan dalam surat khabar pelita Brunei menyatakan Negara Brunei Darussalam telah disenaraikan sebagai ekonomi yang paling meningkat di dunia selama tiga tahun berturut-turut dalam usaha untuk memudahkan menjalankan aktiviti perniagaan. Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin

---

<sup>16</sup> Ulfah Sisi Yatingrum. (2017). "Praktek Pengelolaan Wakaf Di Negara Muslim (Studi Pada Negara Brunei Darussalam)." M.A Thesis, Fakulti Ekonomi Syariah, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Indonesia. Hlm 38.

<sup>17</sup> Hajah Mas Nooraini. (2017). Institusi Wakaf vs Tabung Dana Pembinaan Masjid Di Negara Brunei Darussalam. *E-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)*, pada 4-5 Disember 2017, Bangi Selangor, Malaysia. Hlm 374-386.

<sup>18</sup> Hezlinawati Hj Abdul Karim. *Pelita Brunei: BND5.3 bilion diluluskan bagi Tahun Kewangan 2018/2019*. 21/3/2018. Hlm 4. Diakses dari laman sesawang: [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2018/Mac/pelitabrunei\\_210318.pdf](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2018/Mac/pelitabrunei_210318.pdf) pada 8 Mac 2019.

Haji Umar berkata Laporan *'Doing Business 2018'* yang mengukur tahap kecekapan dan pengawalseliaan perniagaan tempatan telah merekodkan peningkatan Negara Brunei Darussalam sebanyak 16 anak tangga kepada kedudukan ke-56 di kalangan 190 negara-negara di seluruh dunia. Berdasarkan kenyataan tersebut, ada peningkatan ekonomi di Negara Brunei Darussalam dari pelbagai aspek terutama dalam perniagaan.<sup>19</sup>

Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan tentang wakaf yang menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi di Negara Brunei Darussalam sebagai usaha untuk membangunkan ekonomi masyarakat dan negara yang lebih dinamik dan juga progresif. Bahkan, kajian ini juga menumpukan wakaf dalam sektor pertanian yang merupakan aset penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi masyarakat dan juga Negara Brunei Darussalam.

Sektor pertanian merupakan satu bidang dalam aktiviti kehidupan yang penting dan memainkan peranan yang sangat signifikan serta merupakan sumber untuk kehidupan masyarakat kerana bidang pertanian menghasilkan keperluan makanan kepada masyarakat. Kepentingan amalan pertanian dalam membantu menyelesaikan masalah kehidupan manusia yang sangat memerlukan kepada pendapatan yang secukupnya, peluang pekerjaan, tahap kehidupan dan pelbagai lagi.<sup>20</sup>

